



SIARAN MEDIA

PENAMAAN ANAK *GIANT PANDA* KETIGA

Hari ini adalah hari bersejarah bagi hubungan diplomatik dua negara Malaysia dan Republik Rakyat China apabila anak ketiga pasangan Giant Panda Xing Xing dan Liang Liang yang dilahirkan pada 31 Mei 2021 jam 8:30 malam telah diberi nama.

Anak giant panda ini diberi nama Sheng Yi (升谊) yang membawa maksud keamanan dan persahabatan (peaceful and friendship). Kerajaan Malaysia berharap Sheng Yi akan dapat mengeratkan dan mengukuhkan lagi persahabatan yang sedia terjalin antara Malaysia dan Republik Rakyat China.

Majlis Penamaan Anak *Giant Panda* Ketiga yang diadakan hari ini di Pusat Konservasi *Giant Panda* (PKGP), Zoo Negara turut dihadiri YB Datuk Ali Biju, Timbalan Menteri Tenaga dan Sumber Asli; TYT Ouyang Yujing, Duta Republik Rakyat China ke Malaysia; Dato' Sr. Zaharin bin Md. Arif, Presiden *Malaysian Zoological Society* (MZS) dan Encik Rosly @ Rahmat bin Ahmat Lana, Timbalan Presiden MZS.

Anak *Giant Panda* betina ini dilahirkan dengan berat sekitar 140 gram dan akan mencapai usia setahun pada penghujung Mei 2022. Sheng Yi berada dalam keadaan sihat dan telah mencapai berat melebihi 27 kilogram. Sheng Yi mula dipamerkan kepada umum sejak Disember 2021.

Kelahiran kali ini merupakan kelahiran yang ketiga bagi pasangan *Giant Panda* di Malaysia selepas kelahiran Nuan Nuan pada 18 Ogos 2015 dan dihantar pulang pada 14 November 2017 serta Yi Yi pada 14 Januari 2018.

YB DATUK SERI TAKIYUDDIN BIN HASSAN
MENTERI TENAGA DAN SUMBER ASLI

25 MEI 2022

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Tenaga dan Sumber Asli

Tel. : 03-8000 8000 | Faks : 03-8889 4763 | Web www.ketsa.gov.my



KeTSAMalaysia



KeTSAMalaysia



[ketsa.malaysia](https://www.instagram.com/ketsa.malaysia)